


WARISAN

WARISAN



*Persatuan Sejarah Malaysia  
Cawangan Negeri Sembilan  
Keluaran 7 1982 / 1983*

**WARISAN**  
**JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**

**SIDANG PENGARANG WARISAN**

**PENGARANG KEHORMAT**

*Encik Mazlan bin Abdullah, AMN, PJK.*

**PENOLONG PENGARANG**

*Encik Ahmad Kamal bin Marzuki  
Encik Ibrahim bin Mustafa  
Encik Mohd. Isa bin Mohd. Jadi*

**REKABENTUK**

*Encik Ibrahim bin Jaafar  
Encik Sharif bin Abdullah*

**KEWANGAN & PEMASARAN**

*Encik Tan Ghee Peng, AMN.*

Warisan adalah Jurnal tahunan yang diterbitkan oleh Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan. Tujuan penerbitan Jurnal ini ialah untuk memuatkan hasil-hasil penyelidikan dan kajian mengenai bahan-bahan sejarah Negeri Sembilan dari segi sosial, ekonomi dan politiknya.

Segala sumbangan artikel adalah sangat dihargai dan hendaklah dihantar kepada:

*Pengarang Kehormat,  
Jurnal Warisan,  
Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan,  
d/a, Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan,  
Seremban,  
(Telefon: 73481-73485)*

Pendapat-pendapat dan buah fikiran yang terkandung di dalam artikel-artikel di dalam Jurnal ini tidaklah semestinya merupakan pendapat-pendapat atau buah fikiran Sidang Pengarang atau Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.

**WARISAN**  
**JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**  
**Keluaran 7 1982/1983**

**KANDUNGAN**

**MUKA SURAT**

Kata-Kata Aluan Menteri Besar Negeri Sembilan merangkap Yang Di Pertua Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.	2
Rencana Pengarang	3
Senarai Nama AJK Persatuan Sejarah Malaysia CNS, 1982 – 1983	4
Senarai Nama AJK Kecil Penyelidikan PSM, CNS, 1982 – 1983	5
Senarai Nama AJK Kecil Penerbitan PSM, CNS, 1982 – 1983	5
Kampung Linggi: Beberapa Aspek Mengenai Sistem Perhambanya Dalam Abad Ke 18 dan 19 Johari bin Talib.	6
Dikir Rebana di Rembau Yaakub bin Idrus.	16
Pembentukan Pentadbiran Jelebu – Akhir Abad ke 19 Othman bin Hj. Abu Bakar.	24
Adat Minangkabau Sebelum Zaman Parapatieh: Suatu pengenalan Ringkas Norhalim bin Hj. Ibrahim.	31
Permainan Dam Melayu Ismail bin Abd. Hadi.	43
Jelebu Dalam Sejarah Ibrahim bin Mustafa.	52
Keahlian Tukang-Tukang Melayu Dalam Bidang Seni Bina. Yaakub bin Idrus.	60
Nama Baru Jalan-jalan Bandar Seremban	70
Laporan Tahunan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan 1982–1983.	73



KATA-KATA ALUAN  
MENTERI BESAR, NEGERI SEMBILAN

Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Persatuan Sejarah Negeri Sembilan kerana berjaya menerbitkan majallahnya bagi kali yang ke tujuh.

Saya menaruh harapan semoga usaha murni ini akan berterusan pada setiap tahun dalam usaha memaparkan segala bahan yang berkaitan dengan sejarah negeri ini bagi tatapan rakyat keseluruhannya.

Rencana-rencana serta tulisan-tulisan yang berunsur sejarah ini sudah barang tentu akan memberi menafaat kepada setiap pemilik majallah ini kerana ia akan dapat memberikan gambaran yang secukupnya mengenai peristiwa dan catatan zaman lampau.

Ia juga boleh dijadikan sebagai bahan rujukan yang utama bagi generasi muda dalam usaha menghayati segala catatan-catatan sejarah zaman silam negeri ini.

Selaku Yang Di Pertua Persatuan Sejarah Negeri Sembilan, sukalah saya mengambil kesempatan di sini untuk menggesa para cendekiawan supaya tampil ke hadapan bagi merakamkan segala bahan-bahan sejarah samada dalam rupa bentuk pengalaman, catitan serta memoir untuk terus dihayati oleh golongan muda negeri ini.

Dengan kerjasama yang diberikan oleh golongan ini, tidak syak lagi ia sedikit sebanyak akan membantu Persatuan ini untuk mengumpul sebanyak bahan yang mungkin bagi dimuatkan di dalam majallah seumpama ini bagi penerbitan seterusnya.

Sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada persatuan ini di atas daya usaha yang telah diambil untuk mengendalikan penerbitan majallah ini.

Salam takzim.

(DATO' MOHD. ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD)

*Menteri Besar  
Negeri Sembilan.*

SEREMBAN  
15hb. Ogos, 1983.

## RENCANA PENGARANG.

Jurnal WARISAN kali ini terbit lewat sedikit dari jadualnya kerana beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan. Sesungguhnya untuk menerbitkan sebuah jurnal yang berunsur sejarah seperti ini terpaksa menghadapi banyak halangan. Tidak ramai golongan cendekiawan dan tokoh sejarah yang mempunyai minat yang mendalam untuk menghasilkan karya sejarah bagi tatapan umum. Bahan-bahan sejarah Negeri Sembilan dari segi sosial, ekonomi dan politiknya masih banyak yang belum dikaji, diusahakan serta dipaparkan kepada masyarakat. Adalah menjadi harapan dan keazaman Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan untuk mengabadikan bahan-bahan sejarah yang banyak terdapat berselerak di seluruh Negeri Sembilan dalam jurnal ini.

Usaha-usaha untuk menerbitkan bahan-bahan sejarah bukan sahaja menjadi tugas tokoh-tokoh sejarah dan golongan cendekiawan tempatan dan tanah air, tetapi juga patut dipupuk dan diperkembangkan bakat penyelidikan dan penulisan ini di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Guru-guru sejarah dan guru-guru yang berminat terhadap sejarah boleh memainkan peranan masing-masing. Jika tidak, khazanah-khazanah sejarah tersebut, khususnya sejarah lisan, akan luput dan hilang ditelan zaman yang berkembang pesat, khasnya di zaman sains dan teknologi ini.

Peranan sejarah untuk pembentukan negara dan kemegahan bangsa tidak dapat dinafikan. Dalam keghairahan kita mengejar kemajuan sains dan teknologi, mata pelajaran dan minat terhadap sejarah semakin berkurangan. Menyedari kelemahan ini, Kerajaan Malaysia amnya dan Kerajaan Negeri Sembilan khasnya sedang mengambil langkah-langkah yang konkrit, positif dan berkesan untuk meletakkan sejarah pada perspektif yang betul. Sesuatu bangsa yang lemah ialah bangsa yang tidak mempunyai sejarahnya sendiri yang dapat dibanggakan!. Sikap sensitif terhadap sejarah patut ada pada setiap rakyat negeri ini.

Jurnal Warisan keluaran 7 memuatkan artikel-artikel yang berunsur politik/pentadbiran dan juga kebudayaan/kesenian/sosial. Kepada para penyumbang artikel, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih. Sumbangan mereka adalah amat dihargai dan disanjung tinggi. Untuk membolehkan jurnal ini diterbitkan pada setiap tahun, kami memerlukan sumbangan artikel dari para pembaca, peminat sejarah dan tokoh-tokoh sejarah tempatan dan tanah air.

**Pengarang Kehormat,  
Jurnal WARISAN Keluaran 7 1982/1983.**

**SENARAI NAMA JAWATANKUASA  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1982 – 1983**

- Yang Di Pertua** : *Y.A.B. Dato' Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abd. Samad, DSNS, PMC., Menteri Besar Negeri Sembilan.*
- Naib Yang Di Pertua** : *Yang Berbahagia Pengarah Pelajaran Negeri Sembilan. (Dr. Wan Mohd. Zabid bin Mohd. Noordin, KMN, PPT) sehingga 31.12.1982. (Encik Khalid bin Mohd. Jamin, KMN, BSI, PIS, PJK) mulai dari 1.1.1983.*
- Setiausaha Kehormat** : *Encik Ismail bin Abdul Hadi, AMN, PJK.*
- Penolong Setiausaha** : *Encik Abdul Aziz bin Salleh.*
- Bendahari** : *Encik Tan Ghee Peng, AMN.*
- Ahli Jawatankuasa** : *Encik Nordin bin Bakeri.  
Encik Hasbim bin Jasa, AMN.  
Tuan Syed Jaafar bin Syed Abd. Rahman, PJK.  
Tuan Hj. Mohd. Arif bin Osman.  
Puan Kamariah bte Hj. Sabeh.*
- Pengerusi Daerah** : *Tuan Hj. Hisham bin Hj. Omar (Tampin).  
Encik Mohd. Zabidin bin Sidek (Kuala Pilah).  
Encik Abdullah bin Salleh (Rembau).  
Encik Mohd. Mokhtar bin Mohd. Nor, PJK (Seremban).  
Encik Mazlan bin Abdullah, AMN, PJK (Jejebu) sehingga 31.8.82.  
YB. Encik Abd. Kadir bin Kassim, AMN, PMC, PJK (Jejebu).  
Encik Othman bin Hj. Abu Bakar (Port Dickson).  
Encik Idris bin Hussein (Jempol).*
- Pemeriksa Kira-Kira** : *Encik Abu Bakar bin Yabya, AMN, PPN, PMC, PJK.  
Encik Mohd. Zain bin Hj. Rais, PJK.*

**JAWATANKUASA KECIL PENYELIDIKAN  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1982 – 1983**

- Pengerusi** : *Tuan Hj. Mohamed Nor bin Long, PMC.*
- Ahli Jawatankuasa** : *Tuan Hj. Mohd. Arif bin Osman.  
Dato' Hj. Mohd. Sharif bin F. Hassan, PPN, PJK.  
Encik Nordin bin Bakari.  
Encik Abdul Aziz bin Salleh.  
Encik Ibrahim bin Mustafa.  
Puan Kamariah bte. Hj. Sabeah.  
Puan Noraini bte. Ali, PJK.  
Puan Echam bte. Hj. Hassan.*

**JAWATANKUASA KECIL PENERBITAN  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1982 – 1983**

- Pengerusi** : *Encik Hashim bin Jasa, AMN.*
- Setiausaha** : *Encik Ramthan bin Hj. Maarof, PJK.*
- Pen. Setiausaha** : *Encik Mohd. Misan bin Mastor.*
- Ahli Jawatankuasa** : *Dato' Hj. Mohd. Sharif bin F. Hassan, PPN, PJK.  
Encik Abd. Hamid bin Idris.  
Encik Mustafa bin Hj. Sharif.  
Encik Mohd. Hisa bin Tabat.  
Encik Tan Ghee Peng, AMN.  
Encik Ahmad bin Sibat.  
Encik Mazlan bin Abdullah, AMN, PJK.  
Encik Ibrahim bin Mustafa.  
Cik Vicki Muttu, PPN, PPT, PJK.  
Puan Hj. Aishah bte. Md. Sharif.  
Puan Sbarifab Kintan bte. Syed Ali.*

# DIKIR REBANA DI REMBAU

Oleh

Yaakub b. Idrus

Sek. Men. Dato' Abdullah, Astana Raja, Kota.

## Pengenalan

Salah satu daripada berbagai bentuk muzik etnik Melayu di Semenanjung Malaysia ini ialah Dikir Rebana (1) yang sangat popular di Negeri Sembilan dan Melaka sejak beberapa lama dulu hingga kini. Ia adalah muzik berbentuk nyanyian beramai-ramai yang diiringi oleh beberapa buah gendang yang dipanggil rebana yang dimainkan dengan pukulan-pukulan yang tertentu, biasanya untuk memeriahkan dan mengarak pengantin, malah untuk mengarak pembesar-pembesar yang datang berkunjung ke satu-satu tempat. Di dalam tulisan ini saya akan cuba menyentuh beberapa aspek dikir rebana ini sebagai satu pengenalan umum — bukan satu kajian teknikal yang khusus.

## Masalah nama dan asal-usul

Ia biasa dipanggil dengan berbagai-bagai nama seperti 'Dikir rebana', 'Dikir arak' dan kadang-kadang 'Arak rebana'. Perkataan "Dikir" ini besar kemungkinannya berasal dari perkataan Arab "Zikir" yang bermakna mengingat atau memuji Allah. Ini bertepatan sekali dengan senikata-senikata yang digunakan di dalam Dikir Rebana ini. Kebanyakannya dari Bahasa Arab yang dipetik dari Kitab Berzanji yang kebanyakan isinya memuji kebesaran Allah dan Rasulnya, Nabi Muhammad s.a.w. Tentang perkataan "rebana" pula tiada apa-apa keterangan yang memuaskan didapati. Salah seorang tokoh/guru dikir ini (2) memberikan pendapatnya secara berjenaka, kata "rebana" mungkin dari Bahasa Arab "Rabbana" yang bererti "Tuhan kami". Ini agak munasabah juga kerana kata-kata dalam dikir itu kebanyakannya memuji Tuhan. Keterangan ini mungkin dapat dipercayai kerana di dalam hikayat-hikayat lama tidak terdapat perkataan "rebana" tetapi digunakan "gendang" (3).

Hatta, maka Tuanku Malim Deman pun naiklah ke atas balai mengambil permainan itu:

Tangan kiri memukul gendang,  
Tangan kanan meningkah,  
Kepalanya memukul gong,  
Sikunya memukul canang,  
Kakinya memukul telempong,  
Mulutnya meniup serunai.

Walau bagaimanapun perkataan 'rebana' sukar hendak disyaki berasal dari kata asing; di dalam pantun-pantun lama banyak ditemui perkataan rebana. Besar sekali kemungkinannya bahawa perkataan rebana itu perkataan Melayu asli.

- 
- (1) *Libat Harun Mat Piab, "Fungsi Dan Penyebaran Permainan Kesenian Melayu di Malaysia" dalam Dewan Budaya, Jilid 2, Bil. 4, April 1980. b. 23.*
  - (2) *Encik Busu bin Ab. Rahman, 70 tahun, dari Kg. Sungai Radin, Lubok China, NS.*
  - (3) *Libat Pawang Ana dan Raja Haji Yabya, Hikayat Malim Deman, Penerbit Fajar Bakti.KL. 1973. b.68-69*



## Asal-usul permainan dikir rebana

Belum didapati sebarang penjelasan yang boleh dipertanggungjawabkan. Kita hanya boleh membuat hipotesis dengan berpandukan bukti-bukti yang boleh dipercayai. Dari tinjauan-tinjauan yang saya buat, saya berasa yakin bahawa Dikir Rebana ini berkembang dari Melaka. Dari keterangan-keterangan yang diberi oleh guru-guru atau tokoh-tokoh Dikir Rebana yang ditemubual, kebanyakannya memberikan keterangan bahawa mereka atau guru-guru mereka yang lebih tua adalah berasal dari sebelah Melaka. Kebetulan pula Dikir Rebana ini terdapat sangat meluas di seluruh Negeri Melaka dan di Negeri Sembilan yang bersempadan dengan Melaka. Akhir-akhir ini kelihatan lebih popular di Negeri Sembilan, sedang Melaka telah dibanjiri oleh kompang. Di satu ketika dulu di Rembau bahagian baruh boleh dikatakan setiap kampung mempunyai pasukan dikir rebananya masing-masing.

Walau bagaimanapun kita percaya bahawa bandar Melakalah tempat mula bertapaknya kesenian ini sejak beberapa lama dulu kerana Melaka adalah sebuah bandar pelabuhan kosmopolitan sejak zaman kesultanan dulu. Di sana berjumpunya pedagang-pedagang dari seluruh tempat, timur dan barat. Besar kemungkinannya permainan ini di bawa oleh saudagar-saudagar Islam sama ada dari India, Farsi atau Arab. Irama lagunya ternyata menyerupai lagu-lagu dari Asia Barat. Dari bandar Melakalah tersebarnyanya kesenian ini ke kawasan-kawasan sekitar yang lebih jauh ke darat sama ada melalui jalan darat mahupun jalan sungai. Kawasan sebelah darat yang telah maju dan mempunyai hubungan jalan sungai yang baik ialah Linggi, Rembau dan Nanning; kontak orang-orang di tempat-tempat ini kerana urusan dagang tentulah sangat baik.

Proses penyebaran dikir rebana ini saya rasakan amat menarik. Encik Jantan Mat berumur kira-kira 80 tahun dari Kg. Sungai Radin, Lubok China, berasal dari pantai, mengatakan dia telah bermain dikir rebana di Kg. Pengkalan Balak dan Tanjung Bidara, Melaka sebelum tahun dua puluhan lagi. Datuk Menti (Menteri) Mat Husin bin Talib, iaitu bapa saudara kepada Y.T.M. Datuk Undang Haji Adnan, dari Kampung Pilin, menceritakan dikir rebana memang sudah sedia ada di Melaka Pindah, Alor Gajah, pada awal tahun 30an. Di Linggi tidak dapat dikesan, tetapi menurut ceritanya sudah ada sejak pemerintahan British dulu. Di Rembau pula mungkin lebih kemudian lagi; kemungkinan besar tersebar dari Lubok China.

Menurut cerita mulut orang tua-tua tempatan, pada zaman awal British memerintah dulu, hubungan orang-orang Rembau dengan Melaka adalah melalui jalan sungai, melalui Sungai Rembau mengalir ke Sungai Linggi terus ke Kuala Linggi (4) dan menyisir pantai hala ke selatan ke Pengkalan Balak dan terus ke Melaka. Peniaga-peniaga pula mudik ke Rembau membawa dagangan dengan menggunakan perahu besar atau sampian dan tongkang hingga ke Lubok China, atau setengahnya bergalah hingga ke Bandar (atau Penajah — Kini Kampung Penajis).

Orang-orang Rembau, khususnya orang-orang Lubok China memang selalu pergi ke hilir ke daerah pantai melalui jalan air ini. Dalam proses hubungan ulang-alik ini terdapatlah seorang tokoh Dikir Rebana ini berkahwin dan menetap di Lubok China. Menurut keterangan orang tua-tua setempat, beliau inilah yang bertanggungjawab memperkembangkan seni dikir ini di Lubok China dan sekitarnya, dan lama kelamaan tersebar, peringkat demi peringkat mengikut masa hingga ke kawasan-kawasan sebelah darat Rembau, malah hingga ke Seperi paling hulu. Beliau yang dimaksudkan ini bernama Sidang Seman (Allahyarham), tinggal di Kampung Teluk Berembang, Lubok China, Melaka. Beliau ialah bapa kepada Cikgu Tambi Chik dan Wan Chik Othman (bersara). Dalam tahun 30an Sidang Seman ini giat mengajar dikir rebana ini di beberapa buah kampung yang berhampiran. Murid-murid beliau pula memperkembangkannya lagi ke kampung-kampung yang lebih jauh ke darat.

---

(4) Dalam kitab *Sejarah Melayu naskhab Shellabear, cetakan 1950 b. 202* ada menyebutkan tentang besarnya Kerajaan Melaka, antara lain ".....dari Kampung Keling ke Kuala Penajib pasar tiada berputusan.....". Mungkin maksudnya Kuala Penajib, yakni Kuala Linggi sekarang.

Satu saluran lagi ialah melalui satu cawangan Sungai Rembau ini iaitu Sungai Linggi. Linggi mempunyai seni dikir rebananya yang agak berlainan sedikit dengan yang terdapat di sepanjang lembangan Sungai Rembau. Dari Linggi ia berkembang pula ke Kampung Kundur dan Pilin. Dari sana ia bertembung semula dengan dikir rebana Lubok China, kerana kontak antara kedua kariah ini memang baik sejak dulu. Jadi orang-orang dari kedua-dua kariah ini biasa mendengar permainan dari dua gaya/kariah ini; dan mereka dapat membezakan dengan mudah kedua-dua "style" itu.

Satu hal perlu dinyatakan di sini bahawa sungguhpun permainan ini kelihatan berkembang di kawasan-kawasan yang penduduknya menganuti Adat Perpatih, tetapi ternyata bahawa permainan "Dikir Rebana" ini bukanlah kesenian unsur Minangkabau.

### Fungsi dan cara persembahannya

Dikir Rebana lazimnya digunakan untuk mengarak pengantin. Kadang-kadang ia digunakan juga untuk mengarak kanak-kanak lelaki dalam masa khenduri berkhatam Quran dan seterusnya bersunat (berkhatan), atau untuk mengarak kanak-kanak perempuan berkhatam Quran atau istiadat 'memangkas jambul' iaitu satu resam lama mengerat sedikit rambut kanak-kanak itu semasa ia telah meningkat dara sunti tatkala ada majlis perkahwinan keluarganya; di rambut kanak-kanak itu sedia diikatkan sebetuk cincin emas belah rotan. Majlis kahwin itu hendaklah majlis "berolek" (beralat) besar yang dipanggil 'olek penghulu'.

Untuk mengarak pengantin, biasanya ada tiga jenis arak: (i) Arak Siang, (ii) Arak Malam (iii) Dikir Rampai atau disebut juga Dikir Duduk, yang dilakukan waktu jauh malam hingga waktu berkokok ayam. Arak Siang dan Arak Malam itu hampir-hampir sama sahaja caranya, cuma lagu dan senikatanya saja yang berlainan. Biasanya pasukan rebana itu dipanggil terlebih dulu menerusi ketua atau gurunya. Kadang-kadang ada juga pasukan itu diminta mengarak pengantin lelaki semasa akan sampai ke rumah pengantin perempuan, iaitu pasukan itu ditempah oleh pihak pengantin lelaki dan ada kalanya untuk menyambut kedatangan pengantin lelaki ke rumah pengantin perempuan. Ia ditempah oleh pihak pengantin perempuan pula.

Sebelum satu-satu persembahan, semua ahli pemain menerikkan rebana masing-masing dengan menyelitkan satu lingkaran rotan bulat, biasanya rotan lilin atau rotan semut, yang telah sedia ada di dalam rebana itu; ditekankan ke celah antara kulit rebana dengan balur (badan) rebana itu supaya bunyinya nyaring. Sama ada Arak Siang ataupun Arak Malam, pengantin perempuan yang telah siap diandam dan disolek, dibawa turun ke halaman untuk menanti kedatangan pengantin lelaki. Kalau pasukan rebana itu ditempah oleh pihak lelaki, ia akan diarak dari jauh lagi sebelum sampai ke halaman rumah pengantin perempuan. Tetapi biasanya ia diarak setelah kedua-duanya ditempuh di halaman; biasanya didudukkan di atas sepasang kerusi beralas kain, manakala setengahnya tanpa kerusi, pengantin berdiri saja. Setelah itu ketua pasukan rebana itu pun memberi "selawat" ke atas Nabi sebanyak tiga kali berturut-turut dan setiap kali disahut oleh ahli-ahli pasukannya. Setelah itu ketuanya ataupun salah seorang anggotanya yang sedap suaranya, memulakan nyanyiannya secara solo (senikata Bahasa Arab) tanpa pukulan rebana. Tidak lama kemudian ia segera diikuti oleh rakan-rakannya, masih juga tanpa ketukan rebana. Setelah hampir selesai satu ayat dinyanyikan barulah pukulan rebana dimulakan, dan menyanyilah (disebut ber-dikir) keseluruhan pasukan itu dengan iringan pukulan rebana itu hingga selesai. Pada akhir permainan selalunya lagu dan pukulannya dipercepatkan rentaknya. Panjang atau pendeknya permainan itu tergantunglah kepada berapa jauhnya berjalan mengarak pengantin itu; kalau jauh terpaksa permainan itu diteruskan dengan mengulang-ulangkan lagunya atau disambung dengan beberapa lagu lain yang telah dihafal oleh pasukan itu. Lazimnya mereka menyediakan lima atau enam lagu. Dan lagu-lagu itu bersamaan belaka dalam mana-mana pasukan dikir. Ini lagi satu bukti yang menunjukkan bahawa dikir rebana ini datang dari satu purca. Lagu-lagunya ialah seperti di bawah ini:

1. Lagu Arak Siang,
2. Lagu Arak Malam,
3. Ya Rasulullah,
4. Lagu Sultan,
5. Salatun Dawam
6. Salatur Rabbi.

Lagu yang dijadikan permulaan ialah Kalimah Syahadah:  
 "Allah, La-ilaha illa-Allah (2X) – Wa huwa-Allah,  
 Allah, Muhammad habibullah".

Sebutannya amat di "stylized"kan yakni ditotok-tambah dan dilengkok-lengkokkan untuk menyedapkan dan menyesuaikan dengan lagu dan rentak pukulan rebana itu. Lagu permulaan ini dipanggil "jawab" – mungkin sama maksudnya dengan perkataan "chorus" dalam istilah muzik moden, iaitu lagu yang diulang-ulang dan dinyanyikan beramai-ramai sebagai menyahut nyanyian perseorangan. Lagu perseorangan ini dinamakan "Hadi".

(Perkataan "hadi" ini mungkin berasal dari bahasa Tamil yang bermakna 'pukul', atau dari bahasa Arab yang bermakna 'penunjuk')

Rangkaian-rangkaian 'hadi' ini dipetik dari Kitab Berzanji; tiap-tiap satu rangkap terdiri dari dua baris ayat dalam kitab itu. Kadang-kadang bahagian 'hadi' ini dari rangkaian syair atau pantun bahasa Melayu yang dikarang oleh ketua pasukan itu. Rangkaian-rangkaian Bahasa Melayu ini biasanya diletakkan di bahagian hujung permainan sebelum ianya ditamatkan dengan rangkaian salawat ke atas Nabi.

Contoh beberapa rangkaian Bahasa Melayu itu:

Melaka ke Sungai Baru,  
 Patah dayung Kuala Linggi;  
 Berseri muka pengantin baru,  
 Duduk bersanding membawa seri.

Raja muda raja sehari,  
 Naik ke rumah balairung seri;  
 Mengangkat sembah sepuluh jari,  
 Adat dibuat resam negeri.

Segamat ke Sungai Baru,  
 Singgah bermalam di Kampung Ulu;  
 Minta selamat pengantin baru,  
 Selamat sampai ke anak cucu. (5)

Dari rangkap-rangkap pantun di atas terbayang unsur sejarah penyebaran dikir ini. Nama-nama tempat yang terdapat di dalamnya kebanyakan terletak di dalam Negeri Melaka dan berkait pula dengan perjalanan proses penyebarannya seperti yang dibincangkan di atas tadi.

Lazimnya senikata-senikata dalam Bahasa Melayu Dikir Rebana ini dinyanyikan semasa Dikir Duduk atau Dikir Rampai. Ada juga pasukan yang memetik nazam-nazam dari buku Dua Puluh Lima Rasul Pilihan, sebuah buku kecil yang biasa terdapat di kedai-kedai buku yang menjual kitab-kitab agama. Rangkap pertamanya sering dijadikan 'jawab' atau "chorus", dan rangkap-rangkap berikutnya sebagai 'hadi':

---

(5) *Rangkaian-rangkaian ini dipetik dari permainan Dikir Rebana kumpulan Kg. Kundur Hulu, pimpinan En. Putih bin Abdul Rahman, 58 tahun. Menurutnya, pantun-pantun ini diterimanya dari guru-guru yang lebih dulu bertali-tali.*

1. Dua puluh lima rasul pilihan,  
Nama tersebut dalam Quran,  
Murtabatnya tinggi dilebihkan Tuhan,  
Hendak dijazam kita imankan.
2. Pertama Nabi Allah Adam,  
Nabi manusia kafir dan Islam,  
Ditempah Jibrail tanah segenggam,  
Asal mulanya Darul Salam.....dan seterusnya.

Tentang cara pukulannya pula, ia dipukul dengan tapak tangan atau hujung jari seperti memukul kompaing juga; tangan kanan memukul manakala tangan kiri memegang kalau semasa menarakan. Tetapi semasa Dikir Duduk, kedua-dua belah tangan berfungsi sebagai pemukul dan penganak. Rebana yang nyaring bunyinya dipilih jadi peningka kepada rentak asas yang dimainkan oleh semua anggota pasukan, dan diberikan tugas meningka ini kepada seorang pemain, atau beberapa orang pemain yang cekap.

Apabila diperhatikan rentak-rentak pukulannya kelihatan ada dua variasi yang ketara:

(a) Rentak perlahan, iaitu pada permulaan permainan hingga hampir penyudah. Rentaknya seakan-akan lagu Melayu Asli Moden sekarang ini (seperti Seri Mersing, Damak dan Jalak Lenteng.). Cuma yang berbeza sedikit ialah bunyi "tak-tak"nya kurang jelas; dua "measure" pertama tiada pukulan jelas, cuma disentuh jari sedikit-sedikit; dua "measure" yang berikutnya barulah dipukul: "tatakatak tatakdungdung, tatatakatak tatakdungdung" – kira-kira "notation"-nya begini:

4/4 ♩ // - - - - / - - - - / - ṭ ṭ ṭ ṭ ṭ d / a, ṭ ṭ ṭ ṭ ṭ d / a;

// - / - / ♩ ♩ ♩ ♩ ♩ ♩ | ♩ ♩ ♩ ♩ ♩ ♩ | ♩ ♩ ♩ ♩ ♩ ♩ | ♩ ♩ ♩ ♩ ♩ ♩ | ♩ ♩ ♩ ♩ ♩ ♩

Pola ini diulang-ulang terus menerus, dan sekali-sekala ditingka oleh juru peningka:

t = bunyi kecil 'ta' (lepas).

"ṭ = bunyi kecil 'tak' (mati),

d = bunyi besar 'dung' (lepas).

Ragam bunyi besar – kecil – lepas – mati ini diperolehi dengan menekapkan sebelah tangan

Ragam bunyi besar – kecil – lepas – mati ini diperolehi dengan menekapkan sebelah tangan ke kulit rebana itu ataupun melepaskannya. Kalau dilepaskan dapatlah bunyi lepas iaitu berdentung, kalau dilekapkan tapak tangan dapatlah bunyi mati iaitu berdetak, atau decak. Ketukan di pinggir rebana menghasilkan bunyi kecil 'tak' dan pukulan di tengah menghasil pula bunyi besar 'dung'.

(b) Rentak cepat. Biasanya apabila permainan hendak direntikan, bunyinya rancak seakan-akan bunyi cakkadung, cakkadung, seperti gendang tarinai (tari inai) atau seperti rentak inang cepat.


Pukulan untuk dikir duduk (Dikir Rampai) yang dilakukan selepas tengah malam, hampir-hampir sama juga seperti yang dijelaskan di atas tadi (Arak Siang dan Arak Malam). Perbezaannya cuma pada pagu. Ia dimulakan dengan satu kasidah solo oleh salah seorang anggota pemain yang sedap suaranya. Kasidah ini ada kalanya menggunakan bahasa Arab dan ada kalanya bahasa Melayu seperti rangkapan "Dua puluh lima Rasul pilihan" di atas tadi. Semasa kasidah ini rebana tidak di pukul, si pembaca (penyanyi) kasidah itu dibiarkan mengalunkan suaranya sesedap dan sebebaskan mungkin. Selepas itu barulah ia diikuti dengan dikir ramai dan diiringi dengan pukulan rebana. Mereka akan terus bermain hingga waktu terbit fajar atau ayam berkokok dengan berehat sebentar-sebentar. Sementara itu kaum perempuan sibuk di dapur mengukus pulut dan sebagainya, dan sekali-sekala mereka menghantarkan "ulau" atau habuan berupa kuih-muih dan minuman untuk mereka yang berdikir di serambi. Setengah-setengah pendikir sengaja memamah gula batu dan lada hitam, kononnya untuk mengawal dan menyedapkan suaranya.

## Sedikit tentang bentuk rebana

Rebana-rebana yang digunakan di Negeri Sembilan dan Melaka sama sahaja bentuknya dan ukurannya . Balur atau badan rebana itu diperbuat dari kayu keras seperti batang cempedak, cem-punik, merebau dan lain-lain; kulitnya dari belulang kerbau atau lembu diikatkan ke balur dengan rotan sega yang dijalin dengan cantik dan rapi. Bingkai bahagian atas tempat pergantungan rotan pengikat di bahagian mulut rebana itu biasanya diperbuat dari akar taring pelanduk. Badan atau bahagian kayu rebana itu dipanggil 'balur' dan penyendal itu dipanggil 'sedak'. Ukurannya, di bahagian kulit kira-kira 10" hingga 16" garispusat, dan bahagian mulutnya lebih kecil iaitu kira-kira 7" hingga '10 ''.



Encik Putih bin Abd. Rahman, Kg. Kundur Hulu, sedang melatih pasukan Dikir Rebana wanitanya.



Gambarajah Rebana



## Masalah latihan dan lain-lain

Dalam tahun 1930an, menurut beberapa orang pemain dikir tua, latihan dibuat dengan cara sukarela. Guru rebana sendiri dipanggil datang ke tempat atau kampung yang menubuhkan pasukan rebana. Kadang-kadang beliau diberi sedikit suguhati atas usaha kumpulan itu. Sambutannya sangat baik, hingga kadang-kadang mencapai 30—40 orang pelajar. Rebananya pula dibuat oleh sesiapa yang pandai dengan cara meniru-niru rebana yang sedia ada. Ada juga pasukan yang pergi menempah rebana ke tempat-tempat lain, umpamanya, menurut ketua pasukan rebana Kampung Kundur Hulu, mereka membeli rebana baru-baru ini, ke Melaka di Kampung Cheng.

Tentang bayaran atau suguhati untuk bermain, biasanya percuma kalau bermain di rumah salah seorang ahli kumpulan itu, cuma pemain-pemain diberi hadiah telur berbunga beberapa biji seorang. Di kariah Lubuk China, mulai tahun 1960an orang telah memberi suguhati berupa wang sebanyak \$5.00 untuk satu kumpulan sekali bermain, beserta hadiah telur seperti biasa. Kira-kira dalam tahun 1965 bayaran naik ke \$10.00; 1970 naik lagi jadi \$15.00 dan kini selepas 1980, \$20.00. Penentuan ini tidak ditetapkan oleh pihak pasukan pemain tetapi mengikut budi bicara tuan rumah yang menempah dan dipersetujui oleh pihak penerima dengan rela hati. Ini mungkin berdasarkan nilai wang yang sentiasa berubah atau tertakluk kepada hukum penawaran dan permintaan. Ada pula, selain daripada hadiah telur dan wang, diperbuatkan pulut kuning khas yang dibubuhkan dalam satu bekas khas yang dipanggil 'semerit' atau 'nasi semerit' yang dihias dengan telur berbunga bercerucuk dan dicacikkan pada pulut itu.

Kini, dengan perkembangan kompang ke merata-rata pelusuk tanah air, kedudukan Dikir Rebana kian merosot. Namanya berubah jadi 'rebana keras' untuk membezakannya dengan kompang. Anak-anak muda kurang berminat mempelajari rebana mungkin kerana ia sudah dianggap usang, ataupun kerana bunyinya kurang nyaring atau permainannya kurang rancak, jadi kurang sesuai dengan selera anak-anak muda sekarang. Kerana itu agaknya, Encik Putih, pengasas kumpulan rebana wanita di Kampung Kundur Hulu itu membuat pembaharuan. Ternyata sambutannya amat baik. Pada hemat saya, inilah pasukan rebana wanita yang pertama di dalam daerah Rembau; pernah menjadi johan pertandingan dikir rebana yang dianjurkan oleh Majlis Belia Rembau 1971 dulu.

Biasanya di Rembau, selain daripada mengarak pengantin, dikir rebana digunakan juga untuk mengiringkan "terinai" (tari inai), iaitu sejenis tarian tradisional yang popular di Negeri Sembilan dan biasa ditarikan di hadapan pengantin bersanding. Penarinya terdiri dari seorang lelaki yang bergilir-gilir memegang kiri-kanan sambil mengetuk piring itu dengan cincin belah rotan atau rantai jala yang disarungkan di hujung jari telunjuk. Ketukan itu menimbulkan rentak bunyi yang menarik mengikut rentak pukulan rebana itu - biasanya dua buah rebana sahaja digunakan iaitu dicabut dari pemain-pemain rebana biasa. Kadang-kadang ia digunakan juga untuk mengiringkan pasangan pencak silat yang bermain di hadapan pengantin bersanding di halaman. Silat ini dinamakan 'Silat Pulut'.

## Penutup

Usaha-usaha adalah diperlukan untuk menyambung nafas dan menyuburkan kembali seni Dikir Rebana yang berjaya menguasai dua negeri di Semenanjung ini agar taman seni muzik etnik kita tidak ketandusan—subur dan kaya di samping perkembangan muzik moden. Usaha-usaha pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, badan-badan belia, dan institusi-institusi pengajian tinggi ke arah ini adalah sangat dipuji dan diharapkan dalam memberikan kesedaran dan memupuk rasa penghargaan dan kasih sayang terhadap seni budaya bangsa sendiri agar kita mempunyai budaya beridentiti dan tidak dianggap sebagai satu bangsa yang tandus dengan kesenian dan budaya.

Usaha-usaha oleh badan-badan berkenaan harus digerakkan untuk mempopularkannya bersaing dengan bentuk-bentuk kesenian lain seperti Dikir Barat, Rodat, Hadrah, Dabus, Kompang, Ghazal dan lain-lain. Ada baiknya kalau pihak kementerian yang berkenaan merancang untuk menginstitusikan jenis-jenis kesenian ini selaras dengan 'Dasar Pandang ke Timur'—meniru kegiatan-kegiatan bangsa Jepun. Orang Jepun nampaknya cukup berjaya menginstitusikan sebarang keseniannya dan mengeksportnya keluar, seperti Judo, Jujitsu, Kendo, Ikebana, Bonsai, Japanese Garden, dan sebagainya. Ini memerlukan pemikiran dan daya usaha yang benar-benar serius dan gigih

## Rujukan

1. *Jurnal Dewan Budaya, Bilangan 4, Jilid 2, DBP, KL, 1980.*
2. *Mohd. Ghouse Nasaruddin, "Muzik Etnik Malaysia" dalam Babasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, KL, 1976.*
3. *Nota-nota Kuliah Kursus HDP300, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 1980-1981.*
4. *Temubual-temubual dengan beberapa orang tokoh Dikir Rebana:*
  - (i) *Encik Putih bin Abdul Rahman,*  
*Bau 5½, Kg. Kundur Hulu, Rembau.*
  - (ii) *Encik Busu bin Abdul Rahman (Allahyarham),*  
*Kg. Sg. Siput, Lubok China, Melaka.*
  - (iii) *Datuk Menteri Mat Husin bin Talib,*  
*Kg. Pilin, Rembau, Negeri Sembilan.*
  - (iv) *Encik Jantan bin Mat,*  
*Kg. Sg. Radin, Lubok China, Negeri Sembilan.*  
*(Berasal dari Pengkalan Balak, Melaka).*

**NAMA BARU JALAN-JALAN  
BANDAR SEREMBAN**

Nama Sekarang	Nama Yang Dicadangkan
<b>PUSAT BANDAR</b>	
Jalan Templer	Jalan Tun Dr. Ismail
Jalan Birch	Jalan Dato' Bandar Tunggal
Jalan Paul	Jalan Yam Tuan
Jalan Lemon	Jalan Tuanku Munawir
Jalan Tuan Sheikh	Jalan Dato' Sheikh Ahmad
Jalan Cameron	Jalan Dato' Lee Fong Yee
Jalan Tunku Hassan	Jalan Tunku Hassan (tiada perubahan)
Jalan Wilsinson	Jalan Dato' Abdul Rahman
Jalan Carew	Jalan Dr. Krishnan
Murray Street	Jalan Kapitan Tam Yeong
Jalan Lee Sam	Jalan Lee Sam (tiada perubahan)
Jalan Simpson	Jalan Dr. Samuel
Jalan Lister	Jalan Dato' Hamzah
Jalan Rahang	Jalan Tuanku Antah
Jalan Butler	Jalan Yazid Ahmad
alan Singapura	Jalan Siow Loong Hin
Jalan Sungai	Jalan Kong Sang
Jalan Dewan Bandaran	Jalan Utam Singh
Jalan Pasar	Jalan Pasar (tiada perubahan)
Jalan Wallich	Jalan Dr. Murugesu
Jalan Labu Spur	Jalan Sungai Ujong
Java Lane I	Lorong Jawa Satu
Java Lane II	Lorong Jawa Dua
Jalan Depan New International Hotel	Jalan Veloo
Jalan Bomba	Jalan Lim Kee Siong
Jalan Melaka	Jalan Dato' Abdul Kadir
Lorong antara kuil sikh dengan bangunan tambahan Majlis Perbandaran Seremban.	Lorong Khalsa



Nama Sekarang	Nama Yang Dicapadangkan
<b>KAWASAN SIKAMAT</b>	
Jalan Dunman	Jalan Tuan Haji Said
Jalan Cemetery	Jalan Tunku Kurshiah
Jalan Channer	Jalan Dato' Siamang Gagap
Jalan Connection	Jalan Tok Dagang
<b>KAWASAN BAHANG</b>	
Jalan Hose	Jalan Za'aba
Jalan Berhala	Jalan Berhala (tiada perubahan)
Jalan Wise	Jalan Dato' Muda Linggi
Jalan Taman Bunga	Jalan Taman Bunga (tiada perubahan)
Jalan Egerton	Jalan Penghulu Chantik
Jalan Rahang Square	Jalan Medan Rahang
Jalan Keliling	Jalan Keliling (tiada perubahan)
Jalan Banks	Jalan Dr. Chong Ah Khoon.
Jalan Kiernan	Jalan Muti Ahmad
Lorong Green	Jalan Aminudin Baki
Jalan Gereja	Jalan Gereja (tiada perubahan)
Jalan Braddon	Jalan Tetamu
Jalan Singkat	Jalan Singkat (tiada perubahan)
Jalan Ridgeway	Jalan Raja Muda Ali
Jalan Loop	Jalan Tok Ungku
Jalan Mutton	Jalan Gan Tam
Jalan Wong Yik Tong	Jalan Dato' Wong Yik Tong
<b>KAWASAN RASAH</b>	
Jalan Rasah	Jalan Rasah (tiada perubahan)
Jalan Dr. Muthu	Jalan Dr. Muthu (tiada perubahan)
Jalan Bukit Rasah	Jalan Bukit Rasah (tiada perubahan)
Jalan Bukit Tembok	Jalan Bukit Tembok (tiada perubahan)

Nama Sekarang	Nama Yang Dicadangkan
<p><b>KAWASAN KAMPONG BARU JALAN DATO' KLANA</b></p> <p>Jalan Dato' Klana            Jalan Kilat,            Jalan Swettenham            Jalan Dato' Bandar</p>	<p>Jalan Dato' Kelana Ma'amor            Jalan Kilat (tiada perubahan)            Jalan Dato' Abdullah            Jalan Lt. Adnan</p>
<p><b>KAWASAN TEMIANG</b></p> <p>Jalan Limbok Atas            Jalan Limbok Bawah            Jalan Temiang            Jalan Tembak            Jalan Sasaran            Jalan Tembak Batu            Jalan Lobak            Jalan Locke            Jalan Cumming</p>	<p>Jalan Seng Meng Lee            Jalan Quek Kai Dong            Jalan Temiang (tiada perubahan)            Jalan Han Hui Foong            Jalan Muthu Cumaru            Jalan Lam Teck Choon            Jalan Manickavasagam            Jalan Nunis            Jalan Haji Abdul Hamid            (Disatukan dengan Jalan            Haji Abdul Hamid yang            sedia ada)</p>

**LAPORAN TAHUNAN PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN 1982 – 1983**

**1 Jawatankuasa Kerja**

1.1	Yang Di Pertua	—	YAB Dato' Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abd. Samad, DSNS, PMC.
1.2	Naib Yang Di Pertua	—	Pegarah Pelajaran N.S. (Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin, PPT)
1.3	Setiausaha Kehormat	—	Encik Ismail b. Abd. Hadi, AMN, PJK.
1.4	Pen. Setiausaha Kehormat	—	Encik Abd. Aziz bin Salleh
1.5	Bendahari	—	Encik Tan Chee Peng, AMN.
1.6	Jawatankuasa	—	Encik Nordin bin Bakri Encik Hashim bin Jasa, AMN. Tn. S. Jaafar b. S.A. Rahman, PJK. Tn. Hj. Mohd. Ariff bin Osman Pn. Kamariah bt. Hj. Sabeh
1.7	Pengarang	—	Encik Mazlan bin Abdullah, AMN, PJK.

**2. Mesyuarat Jawatankuasa**

Sepanjang tahun 1982 jawatankuasa telah mengadakan mesyuaratnya sebanyak 2 kali. Senarai kehadiran adalah seperti di bawah:

Bil.	Nama	Tarikh Mesyuarat		
1.	YAB. Dato' Mohd. Isa	H	H	2/2
2.	Dr. Wan Mohd. Zahid	H	H	2/2
3.	Encik Ismail	H	H	2/2
4.	Encik Abd. Aziz	TH	H	1/2
5.	Encik Tan Ghee Peng	H	H	2/2
6.	Encik Nordin	H	H	2/2
7.	Encik Hashim	H	H	2/2
8.	Tn. S. Jaafar	TH	TH	0/2
9.	Tn. Hj. Mohd. Arif	H	TH	1/2
10	Pn. Kamariah	H	H	2/2

Kedua-dua mesyuarat ini semua Pengerusi PSM/CNS peringkat Kawasan dan Urusetia Majlis Kebudayaan Negeri telah dijemput sebagai pemerhati dan jemputan khas. Tempat mesyuarat di Bilik Gerakan, Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan.

**3. Jawatankuasa Biro-Biro**

PSM/CNS ini hanya ada dua biro, iaitu Penyelidikan dan Penerbitan.

### 3.1. Biro Penyelidikan

#### 3.1.1. Ahli Jawatankuasa

**Pengerusi:** Tuan Hj. Mohd. Nor Long, PMV  
**Setiausaha:** Encik Abd. Aziz Salleh  
**Jawatankuasa:** Encik Nordin Bakri  
Tuan Hj. Mohd. Arif Osman  
Tuan S. Jaafar S. A. Rahman, PJK  
Dato' Hj. Mohd. Sharif F. Hassan PPN, PJK  
Puan Kamariah Hj. Sabeh  
Puan Norini Ali  
Puan Echam Hj. Hasan

#### 3.1.2. Kegiatan

Biro ini meneruskan usaha dan projek yang telah dirancang di samping bekerjasama dengan projek PSM/CNS sendiri.

### 3.2. Biro Penerbitan

#### 3.2.1. Ahli Jawatankuasa

**Pengerusi:** Encik Hashim Jasa, AMN  
**Setiausaha:** Encik Ramthan Hi. Maarof, PJK  
**Jawatankuasa:** Dato' Hj. Mohd. Sharif, PPN, PJK  
Encik Tan Ghee Peng, AMN  
Encik Mustafa Hj. Sharif  
Encik Ahmad bin Sihat  
Encik Mohd. Hisa Tahat  
Cik Virki Mutti PPN, PPT, PJK  
Puan Hj. Aishah Md. Sharif  
Puan S. Kintan S. Ali

#### 3.2.2. Kegiatan

Biro ini telah dapat menerbitkan majalah 'Warisan'. Telah dicetak sebanyak 1,000 naskhah. Ianya telah diedarkan kepada ahli-ahli dan juga pihak-pihak berkenaan.

Di samping itu biro ini juga telah bekerjasama dalam menguruskan pertandingan mengarang sejarah.

Penerbitan majalah 'Warisan' seterusnya telah pun diatur di mana pengumpulan makalah telah dijalankan dan dijangka dapat diterbitkan tahun 1983.

### 4. Kegiatan Umum:

#### 4.1. Mini Muzium dan Pusat Kraftangan

Raja Negeri Sembilan telah membentuk Jawatankuasa Mini Muzium dan Pusat Kraftangan. PSM/CNS adalah menduduki Jawatankuasa ini. Satu kertas kerja berhubungan dengan pengisian ruang dalam bagi Mini Muzium dan Kraftangan itu telah disediakan oleh persatuan ini.

#### **4.2. Penukaran Nama Jalan**

Majlis Perbandaran Seremban telah membentuk satu Jawatankuasa Penukaran Nama Jalan dan Tempat bagi Perbandaran Seremban. PSM/CNS telah dilantik bersama menganggotai Jawatankuasa ini. Kerja-kerja penukaran nama ini telah selesai dan cadangan Jawatankuasa ini telah disampaikan kepada Kerajaan Negeri Sembilan untuk kelulusan EXCO.

#### **4.3 Berita Dari Jendela**

Sepanjang tahun 1982, berdasarkan kegiatan dan perkara-perkara yang melibatkan persatuan ini, maka Berita Dari Jendela hanya dapat diterbitkan sebanyak dua kali sahaja. Kebanyakan berita tersebut adalah sebahagian besarnya daripada kegiatan negeri. Diharap untuk masa hadapan akan banyak berita kawasan dapat dimuatkan untuk pengetahuan seluruh ahli. Sementara itu pihak PSM Pusat menyedut beberapa berita daripada Dari Jendela ini untuk dimuatkan pula ke dalam Berita PSM Pusat.

#### **4.4 Kuiz Sejarah Sekolah-Sekolah Negeri Sembilan**

Seperti tahun-tahun sebelumnya Persatuan ini adalah terlibat dan memberikan kerjasama erat bagi menjayakan pertandingan kuiz ini dari peringkat sekolah, Zon Kawasan, Negeri, Zon Selatan dan seterusnya ke peringkat Pusat.

Bagi tahun 1982 ini pertandingan peringkat Negeri Sembilan telah diadakan pada 3hb. April, 1983 bertempat di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Ugama, Jalan Tunku Kurshiah, Seremban. Sekolah Menengah Dato' Sedia Raja, Rembau muncul sebagai johan merebut Tropi Pusingan, hadiah daripada KARYA BISTARI SDN. BHD. KUALA LUMPUR. Naib Johan ialah Sekolah Menengah Dato' Klana Putra, Lenggeng, Negeri Sembilan dan Sekolah Menengah Undang Jelebu mendapat tempat ketiga.

#### **4.5 Azam dan Citarasa 1983**

Memandangkan perkembangan yang begitu menggalakkan dan kegigihan setiap Ahli Jawatankuasa dan ahli-ahli persatuan ini begitu tinggi maka persatuan ini akan dapat mempertingkatkan lagi hasil sepertimana program-program yang telah disusun. Namun begitu kejayaan-kejayaan akan meningkat lagi dengan bantuan erat dan kerjasama daripada seluruh ahli.

**PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**  
**Penyata Kira-Kira Tahun 1982 (Dari 1hb. Januari 1982 hingga 31hb. Disember 1982)**

**Penerimaan**

Baki pada 31.12.1981	3,919.12								
Yuran Ahli Institusi @ 30.00 x 16	480.00								
Yuran Ahli Perseorangan @ 15.00 x 3	45.00								
Sumbangan dari Yayasan NS	5,000.00								
Sumbangan Lain	8.00								
Bayaran diterima daripada jualan									
↳Warisan ke 6' @ 4.00 x 233	932.25								

**Perbelanjaan**

Sumbangan kepada Persatuan Sejarah Malaysia Pusat bagi tahun 1981	341.60								
Alatujis									
Setem	123.30								
Percetakan ↳Warisan ke 6' x 1,000	20.00								
Cenderamata-cenderamata kepada penulis-penulis makalah	3,123.80								
Memбели terbitan-terbitan	450.00								
Belanja mesyuarat AJK	21.00								
Tambang ke mesyuarat Agung PSM pusat bagi 3 orang wakil PSMCNS	20.00								
Cek dipulangkan oleh bank dan setem	25.00								
Baki pada 31.12.1982	4.75								
	<u>6,254.92</u>								

10,384.37

10,384.37

**Kunci Kira-Kira Tahun 1982 (Dari 1.1.1982 hingga 31.12.1982)**

**Tanggung**

**Harta**

Lebihan penerimaan daripada perbelanjaan	2,335.80
Baki daripada tahun 1981	3,919.12
	<u>6,254.92</u>

**Baki dalam bank**

6,254.92

6,254.92

Saya mengesahkan bahawa penyata dan kunci kira-kira di atas adalah benar.

t.t.

t.t.

(MOHD. ZAIN BIN H.J. RAIS PIJK)

(Tan Ghae Peng AMN)

Juruaudit Kehormat

Bendahari Kehormat